



## **SIARAN AKHBAR JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

### **KES-KES TANGKAPAN DI POS-POS KAWALAN DAN GERAKAN OPERASI**

1. Pada hari Jumaat, 16hb Julai 2021, pegawai-pegawai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) di Pos Kawalan Sungai Tujoh, Kuala Belait telah berjaya menahan barangan yang tidak diisytiharkan di dalam Borang Deklarasi Impot Kastam iaitu sejumlah 76 kotak pelbagai jenis barang penjagaan muka, 48 botol *Anti-Rust Spray* dan 9 kotak set perkakas elektrik.
2. Seterusnya pada hari Sabtu, 17hb Julai 2021, JKED melalui Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang telah membuat operasi di sebuah rumah pekerja dan bilik stor di Kampung Negalang, Temburong dan berjaya menahan dua orang lelaki warganegara Indonesia berumur 27 dan 46 tahun yang disyaki pemilik 1 katon, 26 paket dan 16 batang rokok pelbagai jenis.
3. Manakala pada hari Isnin, 19hb Julai 2021, di Bahagian Kargo, Brunei International Airport Cargo Centre (BIACC) telah mendapati syarikat-syarikat Ejen Kastam tidak mengisytiharkan barang-barang di dalam Borang Deklarasi Impot Kastam dalam 2 pemeriksaan rutin yang berbeza, antara barang-barang yang ditahan ialah;-
  - a) 8 utas jam tangan (termasuk 1 unit *smartwatch*)
  - b) 1 unit *Push and Pop Toy*
  - c) 6 kotak *Herbal Tea* yang memerlukan permit daripada Brunei Darussalam Food Authority (BDFa); dan
  - d) 33 kotak produk penjagaan kulit yang memerlukan permit daripada Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan.
4. Pada hari yang sama, operasi telah dijalankan hasil maklumat daripada orang ramai telah menahan seorang lelaki penduduk tetap yang berumur 49 tahun kerana memiliki lebih dari 50 katon rokok pelbagai jenis di salah sebuah sekolah Swasta di Daerah Belait.
5. Kesemua barangan ditahan dan syarikat-syarikat Ejen Kastam yang bertanggungjawab dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut dimana jika didapati bersalah, syarikat-syarikat Ejen Kastam berkenaan boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 138, Perintah Kastam 2006 atau Seksyen 144, Perintah Eksais 2006 dan kebenaran lesen Ejen Kastam boleh dibatalkan.

6. JKED sukacita mengingatkan kepada syarikat-syarikat Ejen Kastam yang cuba membawa masuk barang-barang komoditi komersial dan persendirian ke Negara ini dengan tidak mengikrarkan serta tanpa dokumen deklarasi yang sah adalah salah mengikut Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006. Jika sabit kesalahan, syarikat-syarikat Ejen Kastam tersebut boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi \$5,000 atau didakwa di mahkamah dan lesen ejen mereka boleh dibatalkan.
7. JKED ingin menasihati kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara yang berkuatkuasa pada masa ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan dan juga larangan tanpa sebarang kebenaran daripada agensi-agensi berkepentingan yang mengawal barang-barang tersebut. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.
8. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam, dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja  
Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

Tarikh: 20hb Julai 2021

Ruj Kes Kastam: Enf/Pr/10/2021

**GAMBAR TANGKAPAN POS KAWALAN SG TUJUH, KUALA BELAIT**





**GAMBAR TANGKAPAN BAHAGIAN KARGO, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT CARGO CENTRE (BIACC)**



**GAMBAR TANGKAPAN HASIL PEMERIKSAAN RUMAH  
PEKERJA KG NEGALANG, TEMBURONG**



**GAMBAR TANGKAPAN HASIL OPERASI DI SEBUAH SEKOLAH DI DAERAH BELAIT**

